Ujian akal-bangsa Melayu

Sikap orang-orang tua kita menduga kecerdasan fikiran anak-anaknya.

Bagi bangsa kita sebagaimana bangsa lain juga, tentu mempunyai cara tersendiri dalam mentafsirkan akal ini. Walaupun cara itu masih hidup di kampung-kampungdan amnya di dalam masyarakat bangsa kita; namun hal tersebut tidaklah dinilai dan disiasat, apatahlagi bagi mengupasnya satu persatu – kata Tuan Matlub dalam kupasannya yang berharga ini. – Pengarang Qalam (oleh: Matlub)

Sudah berkurun-kuru lamanya percubaan menafsir akal manusia dijalankan. Di negeri Mesir Tua telah lama timbul firasat (physionomy) iaitu ilmu yang mengambil dalil dan kiasan daripada melihat ehwal-segala tubuh manusia daripada perkataan, warna, anggota, perbuatan dan kelakuan. Penafsiran ini terbahagi tiga: berakal, kurang akal dan bebal. Kemudian dalam awal-kurun 19 (tahun 1800) berkembang pula ilmu benjol kepala (frinology) disebarkan oleh "gila".

Lambaroso, seorang bangsa Itali telah mengasaskan pula suatu usaha dengan memerhatikan hal-ehwal-dan sifat-sifat orang yang melakukan perbuatan jenayah. Ilmu ini dinamakan "ilmu jenayah" (criminology). Ada pula menafsir akal-ini dilakukan dengan menimbang berat ringan, besar atau kecil otak sesorang. Otak yang eratnya 1680 -1810 gram ialah orang yang bijaksana, 1469 gram sederhana dan 960-1095 gram bodoh.

Dalam tahun 1882 seorang Inggeris bernama "Francis Glaton" telah mengadakan ujian-ujian akal-dengan mencatit kecekapan sesorang menggunkan "Indera gerakkan", mata dan telinga, kekuatan menggenggam, cepat membalas, menimbang berat dan lain-lain.Jika cergas gerakan-gerakan yang dilakukan bererti cerdaslah pula otaknya. "Kital" telah membawa dasar "Glaton" yang menggunakan "indera gerakkan" (sensero motor) ini dengan menmbah beberapa perkara lagi.

Bagi bangsa kita sebagaimana bangsa lain juga, tentunya mempunyai cara-cara tersendiri menafsir akal ini. Walaupun cara itu masih hidup di kampung-kampung dan amnya di dalam masyarakat bangsa kita; namun hal tersebut tidaklah dinilai dan disiasat, apatahlagi bagi menganalisakan satu persatunya.

Bila memandang kegunaan "teka-teki" di dalam masyarakat bangsa kita, nyatalah teka teki itu suatu cara daripada bangsa kita menafsir akal juga. Teka-teki memang biasa menjadi alat menguji kecekapan dan kecerdasan akal serta mengetahui tajam fikiran seseorang. Di dalam kumpulan anak-anaak selalu kita temui mereka soal-menyoal teka teki. Ibu bapa dan nenek selalu pula mengambil kesempatan mengilir dan menduga fikiran anak cucu mereka, sambil memberikan nilai-nilai kesenian dari jasil sastera bangsa pula.

Cara melahirkan " teka-teki" ini berbaga-bagai di sini saya huraikan serba ringkas sahaja mengikut pendapat saya, ada teka-teki yang diberikan dengan cara terus terang dinamakan "soalan tepat", ada yang merupakan "soalan serong" dan ada pula bernama "soalan kias", masing-masing itu adalah di dalam

tiap-tiap bentuk kesusasteraan Melayu; sama ada prosa, atau puisi.

1. Soalan tepat

Soalan yang dibuat dengan bahasa yang terang, mudah difaham, tidak mengandungi kias ibarat atau sebagainya. Hanya soalan it berkehendakkan terus apakah jawapannya yang sebenar itu dengan ringkas dan pantas. Jenis ini sangat subur hidupnya di kalangan anak-anak. Umpamanya: seorang anak di dalam kumpulannya menyatakan "siapa tahu apa binatang keris di kaki?" – anak yang sudah dapat membayangkan jenis-jenis binatang dan senjatanya segera terlintas dan segera pula menjawab : "ayam", bagi anak yang kurang pantas manakala mendengar jawapan itu segera menggambarkan binatang yang disebut itu – kemudian ikut membenarkan "ayam jantan".

Banyak-banyak tulang, tulang apa yang tertimbun tinggi?

Gigi apakah yang panjang sekali?

Ikan apakah yang sedap di dalam dunia?

Tali apakah yang paling besar?

Bintang apakah yang bertanduk dihidung?

Dan beberapa banyak lagi.

2. Soalan serong

Ada pula teka-teki dibuat dengan "soalan serong", walau bahasa yang digunakan itu dalam apa bentuk jawapun, tetapi kehendaknya lebih sukar sedikit dapat difahamkan dari tingkatan pertama tadi, teka-teki telah mulai mengambil perubahan, perubahan dengan tambahan bahan-bahan hidup dan pengalaman. Biasanya cara ini dibuat dalam "bahasa kiasan terus" :

1) Makan mematuk bukan burung,
   berat paruh dari badan,
   mandi di batu bersarang di rotan
2) Anak ular di dalam rimba,
   kerat ekor buang kepala,
   belah paruh berguna juga.
3) Berbunga di hulu, berbunga di hilir,
   sama tengah badan tergolek,
   sekali makan sampai bila-ila kenyang.
4) Warnanya putih kuning,
   tergelimpang menanti nyawa,
   datang nyawa badan binasa.
5) Ditendang diterajang,
   Dipayuh, dipilin, diikat,
   Akhirnya menjadi sahabat yang baik.
6) Cik Yah jolok Cik Tam,
   Cik Tam jolok Cik Teh,
   Cik Teh ketawa, heh, heh, heh.

Dan lain-lain yang banyak tinggal-pada mulut bangsa kita.

Demikianlah orang-orang tua dahulu menduga kecerdasan fikiran anak-anak mereka. Sambil itu sempat mereka meresapkan rasa seni secara tidak langsung ke dalam jiwa anak-anak mereka pula.

Dengan "soalan tepat" dan "soalan serong" yang telah dinyatakan itu, kembali kita kepada perkembangan jiwa anak-anak. Cara-cara yang tersebut adalah masih merupakan hasil yang belum begitu masak atau mendalam – hanya disesuaikan dengan daya berfikir anak-anak sahaja.

Anak-anak pada beberapa zaman yang lalu – musim belum ada sekolah, anak-anak memang sudah pembawaan semula jadinya suka menjadi keraian bersama-sama. "Mainan ya-ya" menjadi-jadi, hingga lupa makan dan minum.

Jika sudah bermain-main, mereka tidak mudah merasa jemu, mereka lupa hal-hendak berehat-rehat di rumah atau

lain-lainnya di rumah. Permainan yang mudah dan gemar mereka lakukan, ialah permainan yang banyak bergerak. Sesuai dengan perkembangan lasak dan kesukaan hendak main anak-anak. Ada kalanya menari dan menyanyi pula dengan gembiranya – kerap kali pula dalam masa-masa yang seperti itu timbul kemahuan hendak bermain "teka-teki" :

Soal-(dari satu pihak) :

Ada seekor burung helang,
Hinggap ia di atas batu;
Kalau tuan pandai membilang,
Apa bintang tulangnya satu?

Nyanyi beramai-ramai:

Ikan kekek mak iloi-iloi,
Ikan gelama mak ilai-ilai;
Nanti patik mak iloi-iloi,
Pulang sama mak ilai-ilai.

Soal:

Kalau tuan pergi ke kedai,
Saya berkirim bingkai tudung;
Kalau tuan orang pandai,
Apa binatang tanduk dihidung?

Menyanyi beramai-ramai seperti mula-mula tadi.

Jawab :

Anak Cina membawa perahu,
Mari isi buah cempedak;
Jangan tuan tidak tahu,
Tanduk dihidung bernama "badak!"

Menyanyi beramai-ramai seperti di atas tadi.

Soal-:

Saya orang Tanjung Batu,
Mari sini naik perahu;
Kalau tuan tahu tentu,
Yang mana ikan, masuk kuala dulu?

Menyanyi beramai-ramai seperti di atas.

Jawab :

Saya orang Tanjung Batu,
Mari sini naik perahu;
Kalau tuan nak tahu,
Kepala ikan masuk dulu!

Di antara kumpulan itu ada pula anak yang bersikap sebagai "Tok Nujum" mengatakan pula:

1. Cok-cok Nuri,
   Kepukang kepuking,
   Ketebing tinggi,
   Pucuk lereng benang emas,
   Mana isi mana air?
2. Unduk-unduk si Nudin,
   Telanda rambut jala-jala,
   Datang borak bunting,
   Godak-godak anak tangga.
   Tiga si mengati,
   Ular turun ke lembah.
   Naik raja bumur,
   Naik dengan tongkolar

Kena katak pedada,

Peyadang terung telunjuk,

Cuba agak mana ada,

Yang berisi? Tunjuk !

3. Hak bahal-barah batu,

Aku tuju balik pintu,

Salah tudung nampak satu,

Kirikah?.....kanankah itu?

…….

Cepat tunjuk dengan jari!

Kalau tidak dia lari,

Kusang kanan, kusang kiri,

Sampai mati tak dapat cari….!

Demikianlah hidupnya gerakan anak-anak yang lasak, untuk menguji kecekapan dan kecerdasan akal. Amatilah pada keseluruhannya, maka dapatlah kita katakan "teka-teki ini serupa dengan ujian akal-juga, meskipun tidak meliputi sepenuh-penuhnya".

3. Soalan Kiasan

Setelah umur kanak-kanak meningkat, segala masalah itu pun ikut sama meningkat dewasa, lebih mendalam dan meluas. Terasalah betapa tingginya daya cipta dan betapa bermutunya kesusasteraan yang turut berkembang keranaya. "soalan kias" ini penuh dengan lukisan-lukisan yang memberi bayangan untuk memikir lebih lanjut:

"Berdiri nafi,

Dibuang manikam,

Duduk terpekuh,

Memuji Allah!"

Jika dipandang sekali imbas rasa-rasa kita sendiri mudah menangkap maksudnya, iaitu "orang sembahyang" – tetapi bukan itu, sebenarnya "orang menampi padi" :

"Berdiri menampi,

Membuang sekam

Duduk terpekoh,

Memilih antah!"

Tiap-tiap ayat mengandungi lukisan-lukisan yang menarik dan mempunyai persajakkan yang penuh. Demikian pula beberapa contoh di bawah ini:

1. Ada kepala telinga tidak,

   Ada kaki tiada bertangan,

   Mata banyak tak boleh memandang.

   Adapun daging tidak berdarah,

   Banyak orang tiada bertulang,

   Atas bawah sama senam,

   Tiada berkulit banyak beroma,

   Baharu bertemu berkasih-kasihan,

   Bertambah benci bertambah lama.

2. Sungguhpun ia diseksakan dengan diikat,

   diapit, dihimpit, digelek di cerut.

   Kerana menyuruh ia sujud,

   Tetapi engganlah ia melainkan sekadar ruku',

   Sungguhpun demikian tiada pula ia membongkok,

   Melainkan berdirilah ia dengan menunjukkan kesombongan.

Sekuat luak sekuat ditokok,

Sehingga kedua bukit berhampiran dengan

dia itu pun selalu kelihatan menjadi lekuk,

pada akhirnya di kembirikan dia lalu digelar namanya:

"Si punting" – licin tiada bertakuk.

Kemudian dihalau pula ke tempat hina daripada mulia.

Maka di sana bersahabatlah dia dengan Pak Pikuk!

3. Apabila pecahlah berkeping-keping sebuah gunung emas, Maka pada masa itu berketahuanlah siapa yang Berhati baik dan mana yang berhati jahat. Kemudian manakala dihancurkan sekali batu-batu Emas itu dimasukkan kedalam lesung yang ada Didalamnya berpuluh-puluh antan; sekonyong-konyongnya kelihatanlah Langit yang hijau itu terbentang dengan injirah warnanya, sunyi daripada awan; maka sejurus lamanya baharulah kelihatan beberapa tompok awan yang putih pada sepanjang langit itu – ialah alamat panas keras konon! Pada ketika itu juga kelihatan bakat hujan daripada awan yang putih itu. Hairan! Pada masa itu langit pun tergulunglah dengan kudrat yang berkehendak, lenyap tiada kelihatan lagi, melainkan tatkala turun hujan emas baharulah disedari bahawa langit itupun senasib jua rupanya dengan gunung emas itu!

Dari misalan-misalan tersebut terasa agak bertambah-tambah meningkat bahasa yang digunakan oleh kebanyakan bangsa Melayu dalam melahirkan "teka-teki" ini. Maka dengan memandangkan hal-inilah, berani saya mengatakan "teka teki" ini jenis "ujian akal" yang ada pada bangsa Melayu.

Dalam zaman kita mengikuti ujian-ujian akal-moden yang dibawa dan diasaskan oleh al-Farid Binah dan Simon yang telah memulakan usahanya sejak tahun 1905 lagi, kemudian disambung oleh Terman Barat, Kadidir, Kulaman dan Setirin hingga menghasilkan "hasil kecerdasan" itu; perlulah pula kita menilai kembali cara dan hasil-hasil yang sudah diciptakan oleh bangsa Melayu kita sendiri.

Kenyataan kepada anggota-anggota Ikhwan

Pimpinan Ikhwan dari satu kesatu masa berharap mendapat kerjasma dari anggota Ikhwan. Ikhwan selalu mengadakan ceramahnya di Singapura dan untuk memberi peluang kepada saudara yang diluar Singapura maka kami mengusahakan supaya ceramah-ceramah itu dibukukan.

Ceramah yang pertama yang diucapkan oleh Profesor Abdul Qahar Muzakar telah kami siarkan.

Yang ke dua – risalah "kesedaran" telah kami siarkan dan telah mendapat perhatian.

Yang ke tiga ucapan Kiyai Muhammad Arshad Talib Lubis sudah kami usahakan.

Bagi satu risalah itu kami tidak meminta bayaran harganya daripada anggota Ikhwan tetapi kami memintan tiap-tiap seorang menghantarkan setem 10 sen untuk belanja mengirimnya – lainnya tidak.

Tujuannya ialah supaya tiap-tiap anggota Ikhwan mendapat faedah dan manfaatnya dengan tidak berbelanja – selain daripada setem.

Pintalah kepada:

IKHWAN

356 & 358, Geylang Rd.,

Singapore-14.